

**YB TAN SRI NOH BIN HAJI OMAR  
MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN  
KERAJAAN TEMPATAN, MALAYSIA**

**SEMPENA**

***MAJLIS PENYAMPAIAN WATIKAH PELANTIKAN PENGERUSI  
DAN SETIAUSAHA JPP NEGERI SELANGOR  
BAGI PENGGAL KEDUA TAHUN 2017***

**TARIKH : 10 JANUARI 2017 (SELASA)  
MASA : 3.00 PETANG – 6.00 PETANG  
TEMPAT : BALLROOM GATEWAY A & B  
HOTEL SAMA-SAMA, KLIA SEPANG**

Terima kasih

Saudara/Saudari Pengacara Majlis

Yang Berhormat Datuk Halimah binti Mohamed Sadique

Timbalan Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Datuk Haji Mohammad bin Mentek

Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Dr. Tam Weng Wah

Timbalan Ketua Setiausaha (Dasar & Pembangunan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Halimi Bin Abd. Manaf

Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Nor Inchun binti Mohamed Salleh

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan)

Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Yang Berbahagia Dato' Mohd Rosli bin Ramli

Pegawai Kemajuan Negeri Selangor,

Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor

Yang Berhormat Datuk Haji Johan bin Abdul Aziz

Pegawai Tugas-tugas Khas, Pejabat YB Menteri

Pengerusi-Pengerusi Majlis Perwakilan Penduduk (MPP)

Negeri Selangor

Ahli-ahli Jawatankuasa Komponen Barisan Nasional (BN)

Ketua-ketua Jabatan, Bahagian dan Agensi

Wakil-wakil Pihak Media Massa,

Yang Berbahagia Dato'-Dato', Datin-Datin, Tuan-Tuan dan Puan-Puan Anggota-anggota JPP yang saya hormati sekalian,

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Syukur Alhamdulillah kehadiran Allah kerana dapat bersama-sama dalam Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha Jawatankuasa Perwakilan Penduduk (JPP) Negeri Selangor Bagi Penggal Kedua Tahun 2017. Ucapan syabas dan terima kasih ditujukan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Timbalan Ketua Setiausaha (Kesejahteraan Bandar) serta Bahagian Kesejahteraan Bandar yang telah berusaha untuk menganjurkan majlis pada kali ini.

2. Dalam masa yang sama, tidak lupa juga saya ingin mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor (ICU) dan Pemimpin Tempatan Persekutuan (PTP) yang banyak membantu pihak Kementerian dalam memastikan kelancaran perjalanan urusan JPP di Negeri Selangor dan mengenal pasti calon Anggota JPP yang berkeelayakan. Diharapkan agar kerjasama erat ini dapat berkekalan selaras dengan pendekatan Kerajaan bagi meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada masyarakat.

3. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diucapkan kepada **232 orang Pengerusi JPP dan seramai 218 orang Setiausaha JPP** Negeri Selangor yang telah dilantik bagi

penggal kedua untuk tempoh dua (2) tahun mulai **1 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018 bagi Fasa 1** dan **15 Januari 2017 hingga 31 Disember 2018 bagi Fasa 2**. Daripada jumlah tersebut, seramai **183 orang Pengerusi dan 140 orang Setiausaha JPP** dilantik semula, manakala seramai **49 orang Pengerusi dan 78 orang Setiausaha merupakan Anggota JPP yang baharu** dilantik bagi penggal kedua tahun 2017-2018. Kementerian selaku Pihak Berkuasa Melantik Anggota JPP amat berterima kasih atas kesudian tuan/puan dalam menggalas amanah yang telah dipertanggungjawabkan bagi membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bergerak bersama-sama dengan penduduk sebagai satu pasukan bagi menangani pelbagai isu kesejahteraan bandar.

**Yang Berbahagia Dato' / Datin / Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

4. Pihak Kementerian telah memutuskan supaya Ujian Penilaian Pra Pelantikan bagi Pengerusi dan Setiausaha JPP dibuat di semua Negeri sebagai syarat pelantikan semula Anggota JPP bagi penggal kedua. Ujian ini bertujuan untuk menguji tahap kefahaman Yang Berbahagia Dato'/ Datin/ Tuan / Puan mengenai JPP meliputi **garis panduan penubuhan JPP** dalam kawasan PBT dan **gerak kerja JPP**. Pelaksanaan Ujian Penilaian Pra Pelantikan ini menunjukkan betapa seriusnya pihak Kementerian dalam memastikan Anggota JPP yang dilantik benar-benar memahami dan menjiwai peranan dan tanggungjawab sebagai seorang Anggota JPP.

5. Sebagaimana tuan/puan telah maklum, penggal pertama Pengerusi dan Setiausaha JPP bagi Negeri Selangor telah tamat pada 31 Oktober 2016. Sehubungan dengan itu, Ujian Penilaian Pra Pelantikan ini telah dilaksanakan di Negeri Selangor sebanyak dua (2) kali iaitu pada 6 Disember 2016 dan 28 Disember 2016 melibatkan seramai 203 orang Pengerusi dan 167 orang Setiausaha JPP. Hasil analisis keputusan ujian penilaian tersebut amatlah membanggakan apabila kesemua Anggota JPP yang menduduki ujian penilaian tersebut telah lulus. Hal ini menunjukkan bahawa semua Anggota JPP tersebut telah mencapai ekspektasi seperti yang diharapkan oleh pihak Kementerian.

6. Oleh yang demikian, kepada semua Pengerusi JPP yang telah dilantik semula mahupun yang baharu dilantik, tuan/puan merupakan calon yang terbaik yang dilantik oleh Kementerian atas cadangan yang dikemukakan oleh pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Selangor dan Pemimpin Tempatan Persekutuan bagi mewakili zon masing-masing. Saya yakin dan percaya pelantikan tuan/puan adalah berasaskan kepada kemampuan untuk menggalas amanah dan tanggungjawab bagi mewakili masyarakat setempat.

7. Peranan tuan/puan khususnya sebagai Pengerusi JPP ini amat penting dalam memastikan kesinambungan organisasi JPP di Negeri Selangor. Dengan kata lain, tuan/puan boleh diibaratkan sebagai wakil kepada rakyat yang ada di sesuatu zon atau kawasan. Selaku "*wakil rakyat kecil*", tuan/puan boleh menjadi perantara, menjadi mata dan telinga dan juga harapan kepada rakyat di dalam zon di kawasan tuan/puan. Semoga dengan mandat yang diberikan ini, menjadi pemangkin dan meningkatkan azam tuan/puan untuk terus lebih berusaha dalam menjalankan tugas yang diberikan dengan lebih cemerlang.

8. Sepertimana tuan/puan sedia maklum, pihak Kementerian telah memutuskan bahawa tiada bayaran elaun bagi JPP yang tidak lengkap pelantikan keanggotaannya seramai 10 orang mulai 1 September 2016. Pembayaran elaun hanya dibuat selepas struktur JPP itu lengkap sepenuhnya. Oleh itu, saya berharap agar tuan/ puan selaku Anggota JPP yang dilantik dapat melengkapkan struktur JPP di zon masing-masing dengan segera.

**Yang Berbahagia Dato' / Datin / Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

9. Di samping itu, sukacita diingatkan tuan/puan supaya lebih fokus dalam memainkan peranan sebagai Anggota JPP supaya tidak tersasar daripada matlamat asal **tiga (3) objektif** utama penubuhan JPP seperti berikut:

- (i) Menggalakkan **penyertaan penduduk** dalam program dan pembangunan kawasan setempat;
- (ii) Membantu menangani **isu-isu kesejahteraan bandar** dan seterusnya meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan Kerajaan; dan
- (iii) Mewujudkan **hubungan yang baik** antara masyarakat di kawasan kejiranan setempat.

10. Dengan ini menjadi harapan agar ketiga-tiga objektif ini dapat diterapkan dan disematkan dalam pentadbiran organisasi JPP tuan/puan di kawasan zon masing-masing supaya objektif penubuhan JPP dapat dicapai dengan jayanya. Di samping itu, usaha murni tuan/puan juga akan membantu menangkis pelbagai persepsi negatif daripada pelbagai pihak dan seterusnya menanam perasaan positif terhadap usaha dan langkah Kerajaan yang bertujuan untuk mensejahterakan rakyat dan negara. Tindakan oleh beberapa pihak yang tidak bertanggungjawab dalam memutar belitkan fakta telah menyebabkan Kerajaan dilihat sebagai sebuah Kerajaan yang tidak peka terhadap kebajikan rakyat.

**Yang Berbahagia Dato' / Datin / Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

11. Sebagaimana yang kita sedia maklum, pihak Kementerian telah melancarkan Buku Gerak Kerja JPP pada 26 Mac 2016 bagi membantu JPP merancang dan melaksanakan aktiviti dan program kemasyarakatan mengikut keperluan penduduk setempat. Diharapkan Buku Gerak Kerja JPP tersebut, dapat dijadikan panduan kepada semua Anggota JPP dalam melaksanakan program dan aktiviti terutamanya program-program di bawah inisiatif Kementerian secara seragam. Program gerak kerja yang terdapat di dalam Buku tersebut ialah:

- (i) Gerak Kerja Komuniti Selamat

- *MySafer* List
  - Tangan Bersalaman
- (ii) Gerak Kerja Komuniti Sihat
- COMBI-LA21
- (iii) Gerak Kerja Komuniti Bersih
- 3R4Life
  - KomSis (Pengkomposan Sisa)
  - 2C (Clean & Clear)
- (iv) Gerak Kerja Komuniti Indah (1 Park Community)
- Kejiranan Hijau (Green Neighbourhood)
  - Kebun Komuniti
  - i-Man (Indah dan Nyaman)
- (v) Gerak Kerja Komuniti Sejahtera
- Kanta Komuniti

12. Buku Gerak Kerja JPP ini telah pun diedarkan kepada semua Pengerusi JPP dan PBT semasa majlis pelancaran Buku Gerak Kerja JPP tersebut. Bagaimanapun, bagi yang tidak mempunyai naskah buku tersebut, tuan/puan boleh juga memuat turun *softcopy* buku tersebut melalui Portal JPP di laman sesawang [jpp.kpkt.gov.my](http://jpp.kpkt.gov.my). Dalam hal ini, saya berharap agar semua Anggota JPP terus digalakkan untuk melaksanakan pelbagai program di bawah inisiatif tersebut supaya dapat menyemarakkan perpaduan dan penyertaan penduduk dalam menjaga dan memelihara kawasan komuniti masing-masing dari segi aspek keselamatan, kesihatan, kebersihan dan keindahan.

**Yang Berbahagia Dato' / Datin / Tuan/ Puan dan hadirin sekalian,**

13. Akhirnya, saya sekali lagi ingin mengingatkan bahawa Kerajaan Persekutuan sentiasa prihatin terhadap kepentingan rakyat dan sering mendahulukan rakyat dalam mentadbir negara ini. Dalam apa-apa jua perancangan atau program pembangunan negara kepentingan rakyat sentiasa diberikan keutamaan dan didahulukan. Sehubungan

dengan itu, diharapkan agar tuan/puan dapat memberikan contoh kepimpinan yang baik, menjalankan amanah yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab bagi mencapai dasar-dasar penubuhan JPP. Tindakan ini sekali gus akan dapat menyemai penerimaan komuniti setempat terhadap JPP yang akhirnya diterjemahkan melalui peningkatan sokongan dan keyakinan rakyat terhadap Kerajaan. Jalankanlah tugas sebagai *opinion leader* dan menjadi contoh terbaik kepada penduduk setempat dan tariklah lebih ramai penduduk untuk bersama-sama dengan Kerajaan dengan memberikan imej yang baik kepada mereka.

14. Sekali lagi diucapkan tahniah dan syabas kepada tuan/puan dan puan-puan selaku Pengerusi dan Setiausaha JPP yang telah dilantik semula dan tidak lupa juga kepada Pengerusi dan Setiausaha JPP yang baharu bagi penggal kedua yang sudi hadir bagi menerima watikah pelantikan pada hari ini. Semoga tuan/puan lebih berusaha dan bersemangat dalam menjalankan tugas yang diberikan serta diucapkan Selamat Maju Jaya.

15. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pihak yang menjayakan majlis ini. Dengan lafaz Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan Pengerusi dan Setiausaha JPP Negeri Selangor Bagi Penggal Kedua Tahun 2017.

Sekian, Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.